



## جدوال وقت سمبهيغ

JANUARI 2023  
JAMADILAKHIR 1444H - REJAB 1444H  
جمادي الاخرة ١٤٤٤هـ - رجب ١٤٤٤هـ

Hari	Masihi	Hijrah	الصباح	الشروق	الظهر	العصر	المغرب	العشاء
			Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isya`
Ahad	1	8	6.26	8.03	12.09	1.46	4.05	5.42
Isnin	2	9	6.26	8.03	12.10	1.47	4.06	5.43
Selasa	3	10	6.26	8.03	12.10	1.48	4.07	5.44
Rabu	4	11	6.26	8.03	12.10	1.49	4.08	5.45
Khamis	5	12	6.25	8.02	12.11	1.50	4.10	5.47
Jumaat	6	13	6.25	8.02	12.11	1.51	4.11	5.48
Sabtu	7	14	6.25	8.02	12.12	1.52	4.12	5.49
Ahad	8	15	6.24	8.01	12.12	1.53	4.13	5.50
Isnin	9	16	6.24	8.01	12.13	1.54	4.15	5.52
Selasa	10	17	6.23	8.00	12.13	1.56	4.16	5.53
Rabu	11	18	6.23	8.00	12.13	1.57	4.18	5.55
Khamis	12	19	6.22	7.59	12.14	1.58	4.19	5.56
Jumaat	13	20	6.21	7.58	12.14	1.59	4.20	5.57
Sabtu	14	21	6.21	7.58	12.15	2.00	4.22	5.59
Ahad	15	22	6.20	7.57	12.15	2.02	4.24	6.01
Isnin	16	23	6.19	7.56	12.15	2.03	4.25	6.02
Selasa	17	24	6.18	7.55	12.16	2.04	4.27	6.04
Rabu	18	25	6.17	7.54	12.16	2.06	4.28	6.05
Khamis	19	26	6.16	7.53	12.16	2.07	4.30	6.07
Jumaat	20	27	6.15	7.52	12.17	2.08	4.32	6.09
Sabtu	21	28	6.14	7.51	12.17	2.10	4.33	6.10
Ahad	22	29	6.13	7.50	12.17	2.11	4.35	6.12
Isnin	23	1	6.12	7.49	12.17	2.12	4.37	6.14
Selasa	24	2	6.10	7.47	12.18	2.14	4.38	6.15
Rabu	25	3	6.09	7.46	12.18	2.15	4.40	6.17
Khamis	26	4	6.08	7.45	12.18	2.17	4.42	6.19
Jumaat	27	5	6.07	7.44	12.18	2.18	4.44	6.21
Sabtu	28	6	6.05	7.42	12.19	2.20	4.45	6.22
Ahad	29	7	6.04	7.41	12.19	2.21	4.47	6.24
Isnin	30	8	6.02	7.39	12.19	2.22	4.49	6.26
Selasa	31	9	6.01	7.38	12.19	2.24	4.51	6.28

Awal Tahun Masihi

(Hari Ahad 01 Januari 2023M bersamaan 08 Jamadilakhir 1444H)

## Nasihat Untuk Kita Bersama

### KAWAL KEMARAHAN

Kita hidup di dunia ini tidak akan pernah terlepas dari menerima ujian dan dugaan daripada Allah SWT sama ada ujian berbentuk kesenangan ataupun ujian berbentuk kesusahan.

Adakalanya ujian dan dugaan yang diberikan itu membuat kita berasa gembira dan kadangkalanya pula ujian dan dugaan itu membuat kita berasa marah dan susah hati. Sebagai umat Islam, dalam menghadapi ujian dan dugaan tersebut, kita hendaklah sentiasa mengamalkan sifat sabar dan cuba sedaya upaya untuk mengawal kemarahan kerana marah itu adalah sifat yang sangat buruk dan dicela.

Allah SWT menciptakan sifat marah itu daripada api yang menjadikannya sebagai salah satu tabiat ataupun perangai bagi manusia. Rasulullah SAW ada menyebutkan dalam hadis baginda bahawa orang yang dapat menahan diri daripada marah itu adalah orang yang kuat.

**Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda: Bukanlah orang yang kuat itu dinilai dengan kekuatan dalam pergelutan, sesungguhnya orang yang kuat ialah orang yang dapat menguasai dirinya ketika marah.**

(Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Tidak dinafikan bahawa dalam setiap diri manusia itu pasti ada sifat marah namun kemarahan itu perlulah dikawal dan ada batasannya. Justeru, untuk mengelakkan dari terjadi sifat marah tersebut, kita hendaklah mengawal kemarahan dan sedia memaafkan kesalahan orang lain.

Seandainya ada orang yang membuat kita marah, janganlah kita berdendam dan bermusuhan, apatah lagi untuk memutuskan hubungan silaturrahim.

**Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Anas bin Malik RA, Rasulullah SAW yang maksudnya: Janganlah kalian saling marah, saling hasad dan saling membelakangi. Jadilah kalian hamba-hamba Allah yang bersaudara. Dan tidak halal seorang muslim menjauhi (mendiadakan) saudaranya lebih dari tiga malam.**

(Hadis Riwayat Imam Bukhari)

